



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Rujukan Kami : PWN.Sel.(A) 294 Jld.8 (38)
Tarikh : 28 Jun 2021

Seperti Senarai Edaran Di Lampiran

YBhg. Dato'/ Tuan

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI (AMMKN), AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR (ADN) DAN AHLI PARLIMEN

- **PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI PERKARA 6.1(iv) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT BAGI PROGRAM BAKUL MAKANAN.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman YAB Dato' Menteri Besar pada 9 Jun 2021 yang lalu dan keputusan MMKN ke-20/2021 bertarikh 9 Jun 2021, **Pakej Kita Selangor 2.0** telah dilaksanakan dengan fokus pelaksanaan berikut:

- a) Kawalan Penyakit;
- b) Kebajikan dan Kelangsungan Hidup; dan
- c) Pinjaman Mudah Jangka Panjang kepada usahawan yang terkesan.

Antara program di bawah strategi Kebajikan dan Kelangsungan Hidup ialah **Program Bakul Makanan** iaitu satu inisiatif membantu golongan berpendapatan rendah dan golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Peluasan Penggunaan Sementara Peruntukan Mesra Rakyat

3. Pelaksanaan Program Bakul Makanan adalah menggunakan peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) di bawah kategori Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat, dengan pelaksanaan seperti perincian berikut:

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN	MEKANISME PERBELANJAAN
1.	Perbelanjaan maksimum RM100,000.00 kali kedua untuk AMMKN, ADN, dan ADN Bukan Kerajaan.	Sedia Ada AMMKN, ADN, dan ADN Bukan Kerajaan.	i. Surat Arahan Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1 (iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat rujukan PWN.Sel.(A)294Jld.8 (33) bertarikh 15 Januari 2021;



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 00760

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN	MEKANISME PERBELANJAAN
	Golongan yang akan menerima insentif bakul makanan ini adalah golongan B40, pemandu bas dan van sekolah, pemandu teksi dan bas persiaran, golongan ibu tunggal, mereka yang hilang pekerjaan dan mengalami kekurangan pendapatan serta golongan OKU. Inisiatif ini juga diperluaskan kepada para pesakit COVID-19 yang akan menerima bantuan bakul makanan serta 'Home Assessment Tool' bagi tujuan kuarantin di rumah.		ii. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1/2019; dan iii. Had perbelanjaan maksimum sebanyak RM100,000.00 dengan had nilai setiap perolehan berjumlah RM50,000.00.
2.	Peruntukan tambahan sebanyak 50,000.00 kepada AMMKN, ADN dan ADN Bukan Kerajaan	Peruntukan tambahan akan disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	i. Surat Arahan Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1 (iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat rujukan PWN.Sel.(A)294Jld.8 (33) bertarikh 15 Januari 2021; ii. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1/2019; dan iii. Had perbelanjaan maksimum sebanyak RM100,000.00 dengan had nilai setiap perolehan berjumlah RM50,000.00.
3.	Peruntukan tambahan sebanyak RM30,000.00 bagi Ahli Parlimen. (16 Ahli Parlimen Pakatan Harapan)	Peruntukan tambahan akan disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	i. Surat Arahan Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1 (iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat rujukan PWN.Sel.(A)294Jld.8 (33) bertarikh 15 Januari 2021; dan ii. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.3/2017

Pengecualian kepada Penggunaan 30% Peruntukan ADN untuk Projek Kecil

4. Dalam mendepani tempoh sukar pandemik COVID-19 ini, Kerajaan Negeri juga bersetuju memberi pengecualian kepada AMMKN dan ADN menggunakan peruntukan di bawah kategori Projek Kecil untuk melaksanakan Sumbangan Kemasyarakatan secara tunai dan Program dan Aktiviti Mesra Rakyat selaras dengan PPNS Bil.1/2019, Perkara 6.1(iii) dan (iv).

Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa

5. Pengecualian kaedah perolehan bekalan asas dengan had nilai ini serta pengecualian penggunaan 30% peruntukan ADN untuk Projek Kecil **hanya terpakai dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun 2021**. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.1/2019: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN dan ADN Selangor; PPNS Bil.3/2017: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Parlimen Negeri Selangor; dan Surat Arahan Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1 (iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat rujukan PWN.Sel.(A)294Jld.8 (33) bertarikh 15 Januari 2021.

6. Keprihatinan pihak YBhg. Dato'/ tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARIS BIN KASIM) D.P.M.S, S.I.S, A.S.A, P.P.T
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Salinan Kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

Edaran Dalaman:

- i. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- ii. Bendahari Negeri Selangor
- iii. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (B)

SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 SHAH ALAM

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41902 KLANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat (Sungai Sedu)
42700 KUALA LANGAT

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
43650 BANDAR BARU BANGI

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
45000 KUALA SELANGOR

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BAHARU

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR